


**Lembaran Pendedahan Produk**

# Insurans Liabiliti Pengangkut Dan Penyelenggara Gudang

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Liabiliti Pengangkut Dan Penyelenggara Gudang. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

**NOTIS PENTING**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Tokio Marine Insurans \(Malaysia\) Berhad](#) atau [PIDM](#) (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## 1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi anda ke atas amaun yang menjadi tanggungjawab undang-undang anda untuk membayar atas sebab tuntutan yang dibuat terhadap anda ke atas kerugian fizikal secara langsung atau kerosakan harta orang lain semasa di bawah pemeliharaan, penjagaan atau kawalan anda yang timbul sepanjang tempoh polisi, yang disimpan dalam gudang-gudang yang diselenggara oleh anda pada lokasi-lokasi spesifik yang dinyatakan dalam Jadual Polisi ini dan / atau ketika di atas kenderaan bermotor di dalam perjalanan transit biasa di mana-mana tempat di dalam Had Wilayah seperti yang dinyatakan dalam Polisi ini.

## 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi :

- Amaun sedemikian yang menjadi tanggungjawab undang-undang anda untuk membayar atas sebab tuntutan yang dibuat terhadap anda ke atas kerugian fizikal secara langsung atau kerosakan harta orang lain yang bawah pemeliharaan, penjagaan atau kawalan anda yang timbul sepanjang tempoh polisi, yang disimpan dalam gudang-gudang yang diselenggara oleh anda pada lokasi-lokasi spesifik yang dinyatakan dalam Jadual Polisi ini dan / atau ketika di atas kenderaan bermotor di dalam perjalanan transit biasa di mana-mana tempat di dalam Had Wilayah seperti yang dinyatakan dalam Polisi ini.
- Kesemua kos dikenakan pada anda dalam mana-mana tindakan undang-undang oleh Syarikat dan kesemua faedah yang timbul selepas penghakiman ke atas bahagian sedemikian dengannya hendaklah tidak melebihi liabiliti Polisi melainkan:
  - a. Jika tuntutan tersebut berjaya dipertahankan oleh anda, pihak syarikat akan membayar kesemua kos, caj dan belanja yang ditanggung oleh anda berkaitan dengannya hingga tetapi tidak melebihi had indemniti syarikat seperti yang dinyatakan dalam polisi ini.
  - b. Jika bayaran melebihi had indemniti yang perlu dibuat untuk menyelesaikan sesuatu tuntutan, liabiliti Syarikat untuk membayar apa-apa kos, caj dan belanja yang berkaitan dengannya adalah dihadkan pada kadar sedemikian bagi kos, caj dan belanja tersebut kerana had indemniti tersebut perlu ditanggung berkadaran ke atas amaun berbayar untuk menyelesaikan tuntutan tersebut.

Liabiliti pihak kami di bawah polisi ini tidak harus melebihi jumlah yang dinyatakan dalam Jadual tersebut berhubung dengan mana-mana kejadian atau dalam agregat di sepanjang mana-mana satu tempoh insurans.

Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

## 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan pihak syarikat insurans:

Anggaran Wang Masuk kasar tahunan : RM \_\_\_\_\_

Had Liabiliti / Had agregat bagi tempoh insurans : RM \_\_\_\_\_ / RM \_\_\_\_\_

Kadar dikenakan : RM \_\_\_\_\_ %

Premium : RM \_\_\_\_\_

Perlindungan Tambahan : RM \_\_\_\_\_

Jumlah premium teranggar yang anda perlu bayar ialah : RM \_\_\_\_\_ (akan ditentukan oleh pihak Syarikat)

## 4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 15% daripada premium atau RM \_\_\_\_\_

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Anda dikehendaki mengisi dan melengkapkan borang cadangan dan menandatangani borang tersebut.
- Anda harus memastikan barangan anda yang diinsuranskan pada Had Indemniti yang berpatutan dengan mengambil kira pendedahan anda terhadap liabiliti atau kerugian yang mungkin ditanggung oleh anda.
- Anda harus memaklumkan pihak kami dengan segera jika terdapat apa-apa perubahan pada gudang, jenis barangan yang disimpan atau diangkut, sekuriti atau pemiliknya berkaitan dengan barangan atau simpanan diinsuranskan sepanjang tempoh polisi.

- Anda boleh memilih untuk menginsuranskan barangan anda berdasarkan pusing ganti / pembawaan tahunan teranggar atau pada kenderaan yang spesifik:
  - a) Anggaran Jualan/pembawaan tahunan - Nilai barangan yang diangkut sepanjang tempoh polisi. Premium dicaj terdahulu adalah sementara dan anda dikehendaki memberitahu jualan/pembawaan terlibat yang sebenar apabila tamatnya tempoh polisi.
  - b) Kenderaan yang spesifik - Nilai barangan yang diangkut dalam mana-mana satu transit untuk satu kenderaan barangan. Ia tertakluk kepada had agregat untuk seluruh tempoh polisi. Jika berlakunya tuntutan di bawah polisi ini, hadnya akan dikurangkan berkadarannya melainkan had pengembalian semula telah diluluskan oleh pihak kami. Jika tidak, agregatnya akan dianggap tanpa had dengan caj kadar premium yang lebih tinggi.
- Lebihan (jika ada) sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri jika barangan anda hilang atau rosak : RM \_\_\_\_\_

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti berikut:

- Kerugian atau kerosakan akibat berkarat, kehausan dan keusangan, kemerosotan, gegat, serangga perosak, keburukan sedia ada atau kerosakan berpunca atau akibat daripada mana-mana proses pembaikan, pengembalian atau pemulihan.
- Kerugian akibat ketidaksetiaan pekerja Pihak Yang Diinsuranskan atau pihak mana harta diinsuranskan itu diamankan.
- Kerugian akibat pemalsuan resit gudang.
- Kerugian atau kerosakan berpunca daripada perubahan suhu akibat pemusnahan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana bilik sejuk beku atau perkakas penyejukan atas apa-apa sebab.
- Ketidacukupan atau ketidaksesuaian pembungkusan.
- Penangguhan, kerugian pasaran, kerugian penggunaan, kerugian turutan atau keburukan sedia ada.
- Kerugian yang sukar dijelaskan, kehilangan yang misteri, atau kekurangan diketahui ketika inventori diambil.
- Kerugian atau kerosakan barangan akibat dicuri dari kenderaan bermotor yang tanpa penjagaan kecuali kenderaan bermotor itu digaraj dalam sebuah bangunan atau diletakkan dalam perkarangan yang berpagar, pintu dalam kenderaan bermotor tersebut adalah tertutup dan dikunci dengan baik, dan kesemua kunci ditanggal, seperti peruntukan peraturan Bomba dan kesemua lain-lain "pengecualian" dalam Polisi ini kekal tidak berubah.
- Denda, penalti, ganti rugi punitif dan teladan.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

## 7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

## 8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

## 9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan produk tersebut di atas atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com)

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad  
Level 20, Menara Hap Seng 3,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812  
Email: [letusknow@tokiomarine.com.my](mailto:letusknow@tokiomarine.com.my)

## 10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Liabiliti yang disediakan

- Polisi Insurans Liabiliti Undang-undang Penyelenggara Gudang
- Polisi Insurans Indemniti Dan Liabiliti Pengangkut

### NOTA PENTING

Anda harus memastikan bahawa polisi ini akan memenuhi keperluan anda. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi kami untuk keterangan lanjut. Sekiranya ada pertikaian dan percanggahan mengenai Terma-terma dan Syarat-syarat ini di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.